



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

e-Filing Bagi Tahun Taksiran 2014

1. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) **Tahun Taksiran 2014** melalui e-Filing bagi Borang **E, BE, B, BT, P, M,** dan **MT** boleh dilakukan mulai 1 Mac 2015.
2. e-Filing adalah aplikasi PERCUMA yang disediakan oleh LHDNM untuk memudahkan pembayar cukai melengkap, mengira dan mengemukakan BNCP secara elektronik melalui internet.
3. Aplikasi ini boleh dicapai terus melalui laman web ezHASiL di pautan <https://ez.hasil.gov.my/> atau melalui portal rasmi LHDNM www.hasil.gov.my .
4. LHDNM menyeru semua pembayar cukai agar mengemukakan BNCP mereka dengan segera dan tidak menunggu saat akhir bagi mengelakkan sebarang kesulitan.

5. Tarikh Akhir pengemukaan BNCP Tahun Taksiran 2014 bagi Borang **E**, **BE**, **B**, **BT**, **P**, **M**, dan **MT** secara Borang Kertas (manual) adalah seperti berikut:

Jenis-jenis Borang	Penerangan	Tarikh Akhir MENGHANTAR Borang dan MEMBAYAR Cukai Pendapatan Tahun Taksiran 2015
E	Borang Nyata oleh Majikan	31 Mac 2015
BE	Borang Nyata Individu (Pemastautin yang tidak menjalankan perniagaan)	30 April 2015
B	Borang Nyata Individu (Pemastautin yang menjalankan perniagaan)	30 Jun 2015
P	Borang Nyata Perkongsian	
BT	Borang Nyata Individu Pemastautin (Pekerja Berpengetahuan / Berkepakaran)	30 April 2015 (Tidak Menjalankan perniagaan)
M	Borang Nyata Individu (Bukan Pemastautin)	30 Jun 2015 (Menjalankan perniagaan)
MT	Borang Nyata Individu Bukan Pemastautin (Pekerja Berpengetahuan)	

6. Pembayar cukai boleh merujuk pautan berikut untuk sebarang maklumat tambahan masa untuk mengemukakan BNCP secara e-Filing:

http://www.hasil.gov.my/pdf/pdfam/ProgramMemfailkanBNCP_2015_1.pdf

7. Pembayar Cukai yang belum pernah menggunakan aplikasi e-Filing sebelum ini perlu memohon nombor pin e-Filing terlebih dahulu melalui Borang Maklum Balas Pelanggan LHDNM di www.hasil.gov.my (pautan <http://maklumbalas.hasil.gov.my/>) atau hadir sendiri di mana-mana kaunter khidmat pelanggan LHDNM.

8. Manakala bagi pembayar cukai yang terlupa kata laluan e-Filing pula, mereka boleh set semula (reset) kata laluan tersebut melalui kaedah-kaedah berikut:

i. Melalui e-mel

- Sila ke <https://ez.hasil.gov.my/>
- Klik 'Terlupa Kata Laluan'
- Masukkan No. Pengenalan, klik butang 'Hantar' dan masukkan alamat e-mel yang telah didaftarkan dengan LHDNM
- Sekiranya e-mel yang dimasukkan tidak sama dengan rekod LHDNM, sistem akan memberikan bayangan e-mel sebagai panduan.
- Jika berjaya sila semak e-mel tuan untuk mewujudkan kata laluan baru.

ii. Jika ingat petunjuk kata laluan

- Sila ke <https://ez.hasil.gov.my/>
- Klik 'Terlupa Kata Laluan'
- Pilih Petunjuk Kata Laluan dan masukkan jawapan
- Klik butang 'Hantar' untuk masukkan kata laluan baru dan pengesahan kata laluan (minimum 8 aksara dan maksimum 12 aksara)

iii. Hadir di kaunter-kaunter khidmat pelanggan LHDNM dengan membawa Kad Pengenalan / Passport untuk pengesahan.

9. Adalah diingatkan bahawa permohonan untuk reset kata laluan e-Filing menggunakan selain daripada kaedah-kaedah tersebut tidak akan dilayan.

10. Maklumat lanjut sila layari www.hasil.gov.my atau hubungi 1-800-88-5436

###

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan oleh:

Masrun Bin Maslim | Pegawai Perhubungan Awam (Media)

Bahagian Komunikasi Korporat & Multimedia | Jabatan Khidmat Korporat |

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

☎ : 03-8313 8888 samb. 21326 / 21313 | 📠 : 03-8313 7836

Pusat Panggilan : 1-800-88-5436 (LHDN)

Laman Web : www.hasil.gov.my

Tarikh : 24 Februari 2015

Kenyataan Media LHDNM, 24 Februari 2015